



جامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUMPULAN KES-KES NAFKAH

DIMESIR

TAHUN 1348 - 1352

TAHUN 1929 - 1933

DISEDIAKAN:

O

L

E

H

YAHAYA BIN HAJI JUSOH

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN

PONDADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

SESSI 88/89

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PENYELIA

PROFESSOR MADYA ABDULLAH BIN ABU BAKAR

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

Walaikum salam

BP

159

E3

413

15892

61831

P E N G H A R G A A N

Alhamdulillah penulis bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala yang telah memberi taufik dan hidayahnya serta kesihatan dan kekuatan supaya penulis dapat menyiapkan satu kertas projek yang tidak sepertinya ini, yang merupakan satu kajian ilmiah walaupun banyak terdapat didalamnya serba kekurangan dan kecacatan.

Andaikata tanpa pertolongan taufik dan hidayah dari Allah taala, penulis tidak akan dapat menghasilkan sesuatu apa pun.

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang memberi kemudahan dan pertolongan sama ada secara langsung atau tidak dalam masa penulis menyiapkan kertas kajian ilmiah ini terutama sekali kepada Yang Berbahagia Professor Madya Abdullah Abu Bakar, Penyelia Kertas Projek ini. Beliau banyak memberi teguran dan tunjukan ajar yang sangat bernilai kepada penulis bagi menyiapkan kertas projek ini.

Tidak lupa juga penulis mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah serta tutor-tutor Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, khususnya pensyarah-pensyarah

juga tiutor-tiutor bagi kursus Diploma Undang-Undang dan Kehakiman Islam sessi 1988/1989 yang banyak memberi sumbangan fikiran dan tenaga serta banyak mencurahkan pengetahuan dan pengalaman yang menjadi panduan kepada penulis. Akhirnya penulis mengucapkan terima kasih kepada kakitangan yang bertugas diperpustakaan Universiti Islam Antarabangsa yang banyak memberi kemudahan kepada penulis bagi mendapatkan buku-buku rujukan untuk menyiapkan kertas projek ini.

Dengan jasa baik yang diberikan itu, penulis berasa terhutang budi, maka diharapkan Allah taala sahaja yang akan membalasnya.

Sekian, wasallam.

P R A K A T A

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى الله وصحبه اجمعين.

Segala puji-pujian dan kesyukuran hanya kepada Allah Subhanahu wataala yang memerintah sekalian alam, selawat dan dalam keatas junjungan besar kita Nabi Mohammad s.a.w. Rasul akhir zaman.

Penulis bersyukur kehadrat Allah kerana dengan taufik dan hidayat darinya penulis dapat menyiapkan satu kerjas kajian ilmiah ini dengan sempurna sekadar kemampuan yang ada pada penulis yang serba daif dan lemah ini.

Kertas kajian ilmiah ini ialah merupakan terjemahan sebahagian kes-kes nafkah dari Mahkamah Syariah Mesir kedalam Bahasa Malaysia yang mana teks asalnya dengan Bahasa Arab yang dipastik dari Majallah Al-Muhamah Al-Syariah Mesir. Kerja latihan ilmiah ini dibuat ialah untuk dikemukakan kepada fakulti undang-undang Universiti Islam Antarabangsa sebagai salah satu dari kerja kursus untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Penulis memilih kerja terjemahan ini ialah tujuan meneliti serta mengkaji sebahagian kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Mesir, mudah-mudahan penulis dapat mengambil iktibar dan pengajaran dari kebaikan yang ada untuk menjadi panduan kepada penulis terutamanya dalam bidang kehakiman syariah. Kes-kes ini ialah kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Mesir dalam tahun tiga puluhan.

Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia sekarang ini berada dalam proses untuk menaikkan tarafnya, maka dalam hal ini sudah tentu berkehendak kepada peningkatan mutu kerja serta pegawai-pegawai mahkamah yang cekap dan berkehiwaan demi untuk mencapai tujuan yang sebenar. Bagi mengatasi masalah ini maka kadi-kadi, hakim-hakim serta pegawai-pegawai mahkamah hendaklah terlebih dahulu mendapat latihan dan tunjuk ajar untuk menjadi panduan. Salah satu caranya ialah mengkaji dan meneliti kes-kes perbicaraan yang dahulu, terutama kes-kes dari negara-negara Islam seperti Mesir yang sudah lama maju dan bertamaddun, sudah tentu dapat menjalankan pentadbiran kehakiman islam

dengan kemas dan teratur, jauh sekiranya hendak dibandingkan dengan apa yang diamalkan oleh Nahkamah-Nahkamah Syariah dinegara kita Malaysia.

Sumbangan penulis ini adalah satu kajian yang serba kekurangan, kelemahan dan banyak kecacatan yang terdapat, oleh itu penulis dengan berasa rendah diri menerima tegoran dan kritik yang membina dari mana-mana pihak demi untuk membantu bagi meninggikan syiar islam supaya dapat memberi keadilan yang sepenuhnya. Walaupun bagaimanapun penulisan dan sumbangan ini sekurang-kurangnya penulis telah menunaikan kewajipan seperti yang dikehendaki oleh pihak yang berkenaan, juga agar dapat sedikit sebanyak memberi faedah munafaat kepada penulis yang mana inilah satu usaha bagi merintis jalan dan mengorak langkah untuk mencuba kebolehan dalam bidang penulisan dan terjemahan. Bagi menyiapkan kerja kajian ini penulis banyak bergantung kepada teguran dan nasihat serta tunjuk ajar dari Professor Madya Abdullah Abu Bakar sebagai Penyelia disamping juga penulis merujuk kepada kamus-kamus bahasa Arab dan kitab-kitab fekah islami.

Penulis yakin bahawasanya kerja kajian ini banyak terdapat didalamnya berbagai kelemahan dan kecacatan, disetiap gaya bahasa dan istilah-istilah yang digunakan banyak perkataan-perkataan yang penulis terpaksa menggunakan istilah Arab oleh kerana tidak dapat diterjemahkan kedalam bahasa Malaysia yang betul dan tepat, ini adalah disebabkan kelemahan penulis sendiri, tetapi walau begaimanapun setakat kemampuan, penulis berusaha sedaya upaya yang dapat agar tidak lari dari maksudnya.

Akhir sekali penulis berdoa kepada Allah taala supaya diberi taufik dan hidayatnya dapat membuka pintu hati untuk berusaha menjadikan kerja-kerja yang seperti ini dengan lebih baik lagi dimasa-masa akan datang dan memohon keredaan dari Allah demi untuk menjamin kebahagiaan di dunia dan diakhirat. Amin ya rabbil alamin.

Syeikh Yahaya bin Haji Jusoh
Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran
Kehakiman Islam,
Sessi 1988/1989
Universiti Islam Antarabangsa
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 11 Zulkaedah 1409
15 Jun 1989

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUGA SUDUT</u>
	PENGHARGAAN	i
	PRAKATA	i (A)
	ISI KANDUNGAN	ii (B)
1.	HABIBU HABIBU RIDZIAN lawan FATIMAH HASAN IBRAHIM (Tuntutan hak keperluan pembantu rumah dari makan minum, pakaian dan harga cadar, selimut dan katil)	1 - 3
2.	ZAIARIA IBRAHIM AL-FAKII lawan MOHAMAD FARID AL-FAKII (Pembelaan ketatas hukuman kes yang dahulu sebab enggan membayar nafkah)	4 - 9
3.	MOHAMAD ISMAIL AL-SYAZIKH lawan HAJNA HAJAH NUSA (Rayuan ketatas keputusan nafkah anak-anak dari harta mereka)	10 - 14
4.	AMINAH HAJAH YUSOF lawan BAHARAH HABRUN YUSOF (Rayuan minta dibatalkan hukuman nafkah idah)	15 - 18

5.	UJU MUHWIAD ZAIDAN lawan HONDAJ HASAN AL-SYABABINI (Tuntut nafkah anak-anak dari harta mereka)	19 - 23
6.	KAAB AL-KHIR ABDUL MUKTI lawan HAFIZUD AT-INDI SAWI AL-SYAIB (Tuntut perintah bayar nafkah yang telah diputuskan oleh Majlis Hisbi)	24 - 29
7.	SANIERSA BATANG RANA lawan LABIBAH SARJAS ABDUL KALLAK (Tuntut batal nafkah kerana talak yang tidakberidah)	30 - 37
8.	IBRAHIM SABRI IBRAHIM lawan SANIAH BAIYUNI RUMAIDAN (Tuntut supaya lecas dari tanggungan nafkah)	38 - 47
9.	HASAN MUHWIAD ABU KHAJYAH lawan HUBARAKAH MASUD AL-SYARIF (Kesangsihan perlaksanaan hukuman tahanan)	48 - 51
10.	AYALIA QALDAS lawan WAISA QALTAN & AZIR QALTAN (Tuntutan penentuan nafkah anak - anak)	52 - 62

- ii (O) -

- | | | |
|-----|---|---------|
| 11. | ABD ARRO JAHAT | 63 - 67 |
| | lamaran | |
| | ABD KINUL ABD RADI | |
| | (Tuntut gugur nafkah kerana
isteri gila) | |
| 12. | ALI DAKHILUDDIN KEMBALIAN | 68 - 72 |
| | lamaran | |
| | MUSTADA DAN ABUD LADYAH ATTAS RAZAK | |
| | (Dintutan bantuan nafkah keluarga) | |
| 13. | PENUTUP | 73 - 76 |

a
MAHJUD MAHJUD RIDZWAH

lawan *

FATIMAH HASAN IBRAHIM

Mahkamah Tinggi Syariah Mesir

Jemaah Hakim : Syeikh Abd. Salam Ali Al-Buhairi

Syeikh Hasan Hindi

Syeikh Ali Abd. Wahab

Kes Rayuan Syariah Bil: 437 Tahun 1929 - 1930

Tarikh : 20 Ramadzan 1348 (19 Februari 1930)

Keperluan Pembantu Rumah (orang gaji) - upahnya - nafkah kebajikan kanak-kanak - kelengkapan keperluannya.

Prinsip Undang-Undang

Keperluan pembantu rumah (orang gaji) selain dari upahnya dan nafkah kebajikan kanak-kanak merangkumi selain dari makan minum ialah menyusu.

Fakta Kes:

Kes Rayuan ini disatukan dengan kes rayuan bil: 484 Tahun 1929-1930 yang dirayu oleh pehak menentang.

Wakil pehak merayu pohon diketepikan hukuman Mahkamah Syariah Al-Azbakiah (kes mal bil:598 Tahun 1929-1930 bertarikh 28 Disember 1929, iaitu keperluan pembantu rumah, makan minum, harga cader, selimut, dan harga katil dengan mengemukakan alasan-alasan yang kuat.

(*) Petikan dari Majlis Al-Muhamah Al-Syariah, Mesir. Cetakan Mesir, Jilid I Tahun 1929-1930 Halaman 514 - 515.

Jakil pehak menentang memohon memindahkan hukuman supaya ditambah. Anggapan mahkamah bahawa kenyataan yang dikemukakan oleh kedua-dua pehak adalah sebagai jawapan kepada pehak yang lain diantara mereka.

Pendapat Mahkamah:

- 1- Kedua-dua rayuan telah dikemukakan dan diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang;
- 2- Hukuman yang dahulu sebenarnya adalah berbetulan kerana alasan-alasannya boleh diterima untuk menentukan bahawa keperluan pembantu rumah (orang gaji) ialah makan minum dan pakaian. Mengikut adat kebiasaan, diasingkan antara upah dan nafkahnya (keperluannya), maka ditentukan upah tidak termasuk nafkah (keperluan) yang wajib diberi kepadanya;
- 3- Hukuman yang kemudian adalah tidak tepat kerana nafkah kebijakan kanan-kanak termasuk semua perkara yang menjadi kelaziman kepada kanak-kanak iaitu makan minum dan menyusu, oleh itu permohonan dalam dakwaan ini adalah merangkumi, maka permohonan itu dahulunya diasingkan, ini adalah penginayaan terhadap pehak yang menuntut apabila dikehendaki yang demikian itu terpaksa memohon tambah oleh kerana sedikitnya, bukanlah hendak memohon suatu kadar yang baru.

Kesputusan:

Kami memutuskan kedua-dua rayuan diterima pada

dasarnya dan dalam hal ini disokong hukuman yang dirayu dalam isu ketetapan keperluan pembantu rumah (orang gaji) dan pakaiannya. Rayuan ditolak serta diketepikan hukuman dan ditolak tuntutan dalam isu selain daripada yang demikian itu. Hukuman di - hadapan kehadiran pehak-pehak.

ZAKARIA IBRAHIM AL-PAKIE

lawan *

HMD. FARID AL-PAKIE

Mahkamah Nendah Syariah Tanta

Hakim : Mahmud Mubarak Al-Kadi

Kes Nal Bili: 242 Tahun 1930 - 1931

Tarikh Bicara : 10 Syakban 1349 (30 Disember 1930)

Nafkah orang yang masih belajar - tidak cerdik (maju) dalam pelajaran - Difinasinya - kesannya.

Prinsip Undang-Undang:

- 1- Mengikut hukum syarak seorang pelajar tidak berhak mendapat nafkah daripada orang lain selainkan setelah dibuktikan ianya adalah seorang yang cerdik, maju dalam pelajarannya;
- 2- Keadaan sekarang ada peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pelajaran, sebagai menyokong kepada kaedah fikih mengikut hukum syarak, kerana kedua-duanya adalah bertujuan untuk kebajikan am.

Fakta Kes:

Pada tarikh 23 November 1930, Mahkamah telah menghukumkan dengan ketiadaan hadir pehak yang kena

(*) Petikan dari Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Mesir. Cetakan Mesir, Jilid II Tahun 1930-1931
Halaman 955-956

tuntut dengan sebab ia enggan memberi nafkah yang telah diputus bagi saudaranya pihak yang membela kerana ia diberhentikan daripada belajar dan di-kenakan tindakan buang sekolah.

Pada tarikh 18 Disember 1930 pihak yang membela mengemukakan pembelaan dan memohon supaya pembelaannya diterima kerana ia kemukakkannya dalam masa yang ditetapkan.

Dalam hal ini sebenarnya hukuman yang dibela dibatalkan, sebab dakwaan yang mengatakan bahawa ia dibuang dari sekolah itu tidak benar dan dikemukakan dua orang saksi daripada guru-guru sekolah iaitu Imam Al-Kabbab Al-Almadiah untuk memberi keterangan sebagai bukti dari pihak yang berkenaan, menyokong bahawa ia masih belajar kepada dua orang guru itu, dalam mata pelajaran ugama dan bahasa arab secara sukarela sejak daripada 4 Oktober 1930 iaitu pada hari ianya dibuang sekolah.

Pihak yang membela mengakui bahawa ia kemukakan pembelaan dalam masa yang ditetapkan mengikut undang-undang dan memohon ditolak pembelaan serta menyokong hukuman yang dibola kerana ada alasan-alasan yang dicatat dalam diari yang dikemukakan bersama.

Pendapat Mahkamah:

- 1- Pembilaan yang telah dikemukakan dalam masa yang ditetapkan menjikut undang-undang, maka ianya diterima pada dasarnya;
- 2- Hukuman yang dikeluarkan adalah berbetulan. Pehak yang membila tidak membawa hujjah-hujjah yang boleh diterima dan apa yang dikatakan bahawa ia sentiasa belajar dengan cara mendengar, dibuktikan dengan kesaksian yang telah dikemukakan yang tidak boleh berlaku zalim keatasnya. Kegagalan dalam peperiksaan beberapa kali yang menyebabkan ia dibuang sekolah menunjukkan ia tidak cerdik (tidak maju) dalam pelajaran. Inilah yang sebenarnya yang boleh diterima dan tidak boleh dipertikaikan. " Merujuk Kitab Ibnu Abidin, juzuk II - halaman 691, dalam bahasan nafkah orang yang masih belajar ";
- 3- Bahawa tidak ada jalan untuk memperkatakan dengan kemampuan pihak yang membila dalam menuntut ilmu dengan apa cara pun agar ia akan menjadi cerdik (maju dalam pelajaran);
 - a) Kerana menuntut ilmu sekarang ini diujudkan undang-undang dan peraturan yang seimbang dengan kaedah fikah

iaitu, tegas dimasa perlu kepada ketegasan peraturan itu. Sebaliknya, lembut dimasa perlu kepada lembut kerana dua undang-undang ini (keugamaan dan keduniaan) adalah bertujuan untuk kebijakan am dan itulah caranya;

b) Bahawa pelajar dimasakini alham-dulillah diberi dengan darjat, pangkat dari kebanyakannya, tidak berhajat kepada untuk menambah ilmu pengetahuan. Tidak mesti bahawa kesemua pelajar itu alim (pandai) kerana kebanyakannya daripada mereka tidak bijak (cerdik) sepertilah keadaan pehak yang membila.

Sentiasa berhadapan dengan ulama (orang bijak pandai) seperti tersebut, sesungguhnya ia adalah yang sebenar bandingan daripada kegagalan dan bertawakal. Kedua-duanya tidak didorong oleh kehendak syarak. Oleh itu disabitkan ditolak pembilaan dalam hal ini.

Hukuman atau Keputusan:

Kami memutuskan terima pembilaan pada dasarnya dan pada sebenarnya ditolak pembilaan dan dikekalkan

hukuman yang dibila, dihadapan kehadiran
pehak yang membila.

Ulasan:

Keputusan kes ini dirayu dan ditetapkan
tarikh bicara pada 13 Januari 1931.

MOHAMMAD ISMAIL AL-SYAZIGH

lawan *

HASNAH HASAN NUSA

Mahkamah Tinggi Syariah Wesir

Jemaah Hakim : Syeikh Abd. Jalil Assyub

Syeikh Akam Nassar

Syeikh Muhammad Al-Jaziri

Kes Rayuan Bil : 1683 Tahun 1930 - 1931

Tarikh Bicara : 11 Jamadilawal 1350 (23 September 1931)

Nafkah kanak-kanak - keputusan Majlis Hisbi berkaitan harta kanak-kanak - Bidangkuasa Mahkamah Syariah Keluar perintah membayar nafkah daripada harta kanak-kanak - Hukuman diberi kepada penjaga kanak-kanak yang dikenakan keatas pehak yang memiliki harta - Tidak ada tegahan daripada mendengar dakwaan nafkah yang telah diputuskan oleh Majlis Hisbi.

Perinsip Undang-Undang

Apabila Majlis Hisbi membuat keputusan nafkah kanak-kanak diambil daripada hartanya, maka Mahkamah Syariah menyuriai hidang kuasa memerentah mereka yang memiliki harta itu walaupun sebagai pengawal, yang dilantik oleh Mahkamah Ahliah untuk mendengar nafkah. Tidak ada halangan daripada mendengar dakwaan keatasnya yang dahulunya keputusan nafkah dibuat oleh Majlis Hisbi.

(*) Petikan dari Majallah Al-Muhamah Al-Syuriah, Wesir. Cetakan Wesir, Jilid III Tahun 1930 - 1931 Halaman 72 - 74

Fakta Kes:

Wakil pehak yang merayu mengemukakan hujjah-hujjah baji mempertahankan rayuannya:

- 1- Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dakwaan seperti didalam catatannya dengan alasan-alasan yang diterangkan serta pohon keputusan mahkamah yang ianya tidak ada bidang kuasa;
- 2- Tidak boleh didengar tuntutan yang telah diselesaikan oleh Majlis Hisbi yang mempunyai bidang kuasa, seperti yang dinyatakan dalam catatannya yang kedua;
- 3- Hukuman yang dahulu⁽¹⁾ adalah tidak sah (tepat) dan tidak terkenan keatas perayu, kerana ada penjaga yang lain dan kerana pehak yang mendakwa tidak menyebut padanya, bahawa harta peninggalan ada dalam milik perayu. Oleh itu dipohon ketepikan hukuman yang dahulu serta ditolak tuntutan.

Wakil bagi pehak yang merentang rayuan, memohon supaya hukuman yang dahulu dikekalkan. Katanya bahawa

(1) Mahkamah Pendaht Syariah Khalipah, kes mal bil:953 Tahun 1930-1931 tarikh 15 Julai 1931 iaitu perintah bayar nafkah dua orang kanak-kanak daripada harta mereka sebanyak tujuh junaih sebulan, yang dimiliki oleh pehak perayu.

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk memerintah membayar nafkah walupun Majlis Hisbi menggunakan bidang kuasa untuk menuntukannya. Penjaga yang kedua tidak memiliki sesuatu pun daripada harta peninggalan itu, Mahkamah telah memerintah keatas pehak yang di-dakwa sebagai orang yang memiliki keatas harta peninggalan itu juga sebagai pemegang amanah.

Pendapat Mahkamah:

Setelah diteliti akan kes ini dan mendengar hujjah-hujjah diantara dua pehak, mahkamah memutuskan seperti berikut:

- 1- Permohonan rayuan dikemukakan dan diterima dalam masa yang ditetapkan;
- 2- Hukuman yang dahulu adalah sabit dan boleh dirayu dengan alasan-alasan rayuan yang boleh ditarima;
- 3- Pembelaan yang mengatakan Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa untuk mendengar dakwaan ini oleh kerana Majlis Hisbi mempunyai bidang kuasa adalah tidak sebenar, kerana dakwaan ini bukanlah dakwaan untuk menetapkan nafkah bagi kanak-kanak dari hartanya. Sesungguhnya ialah dakwaan memohon perintah keatas penjaga yang memiliki harta peninggalan supaya membayar nafkah yang telah ditetapkan oleh Majlis Hisbi bagi yang menerima wasiat. Tuntutan

ini bukanlah bidangkuasa Majlis Hisbi kerana pertikaian adalah antara penerima wasiat dan lainnya. Oleh itu pertikaian ini hendaklah diputuskan oleh kadi atau Hakim (Mahkamah) dan hendaklah dihukum secara perintah perlaksanaan yang boleh dilaksanakan keatas yang kena hukum, yang demikian tidak disentuh keputusan Majlis Hisbi.

- 4- Ferkara yang berkaitan dengan nafkah kanak-kanak maka Mahkamah Syariahlah yang mempunyai bidangkuasa, dan sabit ditolak pembelaan ini.
- 5- Pembelaan yang dikatakan tidak boleh didengar tuntutan ini sebab telah diputuskan oleh Majlis Hisbi iaitu perintah keatas pihak yang kena tuntut dengan membayar nafkah, tidak boleh ditarima juga, kerana penyelesaiannya yang sebenarnya daripada pihak yang tidak mempunyai bidang kuasa yang tidak menghalang pihak yang mempunyai bidang kuasa untuk menimbangnya. Maka pembelaan ini juga tidak boleh diterima dan ditolak.
- 6- Pembelaan yang mengatakan tidak sah dakwaan oleh kerana ada pengawal yang lain, selain

dari pihak yang dituntut memiliki keatas harta peninggalan adalah pembelaan yang tidak boleh diterima juga, kerana pihak yang dituntut ialah orang yang memiliki harta kanak-kanak, oleh itu ialah yang patut diperintah untuk membayar nafkah daripada harta yang dimilikinya itu. Telah sabit pihak yang dituntut miliki harta peninggalan itu didalam rekod penyampaian harta itu kepadaanya yang ditantukannya sebagai pengawal (penjaga). Rekod yang mengandungi surat pihak yang menuntut juga dikemukakan. Oleh itu sabitlah apa yang dibela oleh wakil perayu bagi menyokong hukuman yang dahulu.

Hukuman dan Keputusan:

Berdasarkan perkara-perkara yang tersebut kami memutuskan rayuan diterima pada dasarnya, dan dalam hal ini ditolak pembelaan wakil pihak perayu dan dikalkan hukuman yang dahulu. Hukuman dihadapan kehadiran pihaki-pihak.

ABD HASSAN MANSOR

lawan *

BALIYAH NABRUK YUSOF

Makamah Tinggi Syariah Mesir

Jemaah Hakim : Syeikh Abd. Jalil Asyub

Syeikh Al Lam Nassar

Syeikh Muhammad Al-Jaziri

Kes Rayuan Bil : 2031 Tahun 1930 - 1931

Tarikh Bicara : 11 Jamadilawal 1350 (23 September 1931)

1- Nafkah Idah - Persetujuan nafkah idah tidak dituntut-
Persetujuan bertulis - Ingkar tanda tangan diatas
surat persetujuan - sabit tanda tangan.

2- Adat kebiasaan sebagai bukti sahnya surat persetujuan.

Prinsip Undang-Undang:

Nafkah idah sekiranya ada persetujuan bertulis bahawa ia tidak dituntut adalah menjadi bukti yang nyata (sah) bahawa maskahwin telahpun diterima. Mengikut adat bahawa seorang perempuan tidak akan menerima maskahwin melainkan setelah ia bersetuju tidak akan menuntut nafkah idahnya, terutama apabila telah berulang kali pohon ditanyguhkan kes, kerana meneliti surat persetujuan yang tersebut dan tidak didapati bahawa ia enggan menurunkan tanda tangan.

Fakta Kes:

Wakil pehak mozayu memohon diketepikan hukuman

(*) Petikan dari Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Mesir.
Cetakan Mesir, Jilid III Tahun 1930-1931. Halaman 74-75